



Ruj. Kami: PSIS/03/01/5-33 Jld. 21 (7)
Tarikh : 13 Mei 2016

Saudara/Saudari,

ARAHAN LAPOR DIRI DAN DAFTAR KURSUS PELAJAR LAMA UNTUK SESI JUN 2016

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk kepada Kalendar Akademik Tahun 2016, sesi Jun 2016 akan bermula pada 13 Jun 2016, manakala sesi perkuliahan pula bermula pada 20 Jun 2016 (Isnin).

3. Sehubungan itu, semua pelajar lama adalah diarahkan untuk mematuhi arahan-arahan berikut:-

i. Pembayaran Semua Yuran

Membuat Bayaran di mana-mana cawangan **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** mengikut jumlah yang telah ditetapkan seperti dalam [Jadual Pembayaran dan Tatacara Pembayaran](#). Bayaran boleh dibuat mulai pada **19 Mei 2016 (Khamis)** sehingga **17 Jun 2016 (Jumaat)**.

ii. Lapor Diri dan Daftar Kursus

Sila layari <http://smp.psis.edu.my/login.jsp> selepas **24 jam** membuat pembayaran untuk melaksanakan perkara berikut:

a. Lapor Diri Pelajar Senior (menu **i-Help**)

b. Pendaftaran kursus sesi Jun 2016 (menu **i-Daftar**). Cetakan slip Pendaftaran Kursus perlu dibawa sebagai rujukan kepada Jabatan Akademik masing-masing. **Tarikh tutup pendaftaran kursus sesi Jun 2016 pada 19 Jun 2015 (Ahad)**.

Sistem SPMP akan diaktifkan mulai **23 Mei 2016 (Isnin)**. Sila rujuk [Tatacara Lapor Diri dan Pendaftaran Kursus](#)

iii. Pengurusan Pendaftaran Asrama

Pelajar-pelajar yang ditawarkan kemudahan asrama Politeknik adalah **diwajibkan** untuk mendaftar penginapan pada **16 Jun 2016 (Khamis)** mulai **9.00 pagi** di Pejabat Asrama PSIS. **Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran kemudahan penginapan ditarik balik**. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Asrama di talian **03-32806285**.

4. Saudara / saudari hendaklah sedia maklum bahawa semester di mana saudara / saudari berstatus **TIDAK LAPOR DIRI** tetap diambil kira sebagai bilangan semester pengajian yang diikuti. Kedudukan saudara / saudari sebagai pelajar PSIS akan tergugur secara automatik apabila tempoh pengajian melebihi jangka masa yang telah ditetapkan berdasarkan peraturan Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

Abd Rashid

(ABD RASHID BIN MOHD ALI)

b.p. Pengarah
Politeknik Sultan Idris Shah
Selangor Darul Ehsan.